

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS	: ETIKA DALAM PENGGUNAAN KOMPUTER
KOD KURSUS	: BBP 45302
KOD PROGRAM	: BBF
TARIKH PEPERIKSAAN	: JUN / JULAI 2019
JANGKA MASA	: 2 JAM
ARAHAN	: JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A (OMR) DAN BAHAGIAN B (BUKU JAWAPAN)

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG SEBELAS (11) MUKA SURAT

**SULIT**

**TERBUKA**

**BAHAGIAN A**

**S1** Definisi etika yang paling tepat ialah

- A tingkah laku individu adalah berlandaskan undang-undang setempat
- B apa yang kita fikir benar tidak semestinya benar bagi orang lain
- C cara individu berfikir dan bertindak dipengaruhi oleh falsafah moral
- D tingkah laku dan kelakuan moral yang dijangka diikuti oleh manusia

**S2** "Sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan". Pernyataan ini merujuk kepada

- A moral
- B akhlak
- C rasional
- D patriotisme

**S3** Pengguna A telah pun memesan sebuah komputer dari sebuah syarikat yang membekalkan komputer. Oleh kerana tuan punya syarikat itu mahu menjalin hubungan baik dengan pelanggannya, dia telah meletakkan beberapa perisian ke dalam cakera keras komputer tersebut seperti perisian Windows 10, AutoCad dan CorelDraw. Namun begitu, pengguna hanya membayar untuk kos perkakasan dan bukan untuk kos perisian. Berdasarkan situasi tersebut, perbuatan ini dikira

- A Sah dan beretika
- B Sah tetapi tidak beretika
- C Tidak sah tetapi beretika
- D Tidak sah dan tidak beretika

**S4** Manakah antara pernyataan berikut menerangkan dengan tepat mengenai moral dan etika?

- A Ruang lingkup perbincangan etika adalah terhad berbanding dengan moral
- B Moral merujuk kepada cara berfikir, bertindak dan bagaimana harus bertindak, manakala etika adalah falsafah moral berkaitan dengan masalah betul atau salah
- C Moral ialah kelakuan sedia ada dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan manakala etika merujuk kepada perwatakan peribadi
- D Moral mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia bagi menyediakan prinsip tanggungjawab dan menilai tindakan yang berkaitan dengan kemanusiaan berbanding etika

- S5** Manakah antara pernyataan berikut tidak benar mengenai undang-undang?
- A Bersifat lebih umum dalam mengawal jenayah  
B Cukup untuk menentukan batas etika dan moral  
C Dikuatkuasakan oleh mahkamah  
D Penentuan batas perlakuan jenayah adalah jelas
- S6** Manakah antara pernyataan berikut tidak termasuk dalam 10 rukun etika yang dicadangkan oleh Institut Etika Komputer?
- A Anda tidak boleh menggunakan komputer untuk menghantar e-mel.  
B Anda tidak boleh menggunakan komputer untuk buli siber.  
C Anda tidak boleh menggunakan komputer untuk mengganggu kerja komputer orang lain  
D Anda tidak boleh menggunakan komputer untuk mengintip ke dalam fail komputer orang lain.
- S7** Apakah tujuan utama karya diberi hak cipta?
- A Melindungi pengguna hak cipta  
B Melindungi pembeli karya kreatif  
C Melindungi pencipta karya kreatif  
D Melindungi salinan hasil kerja kreatif
- S8** Berikut merupakan cara-cara untuk menghindari aktiviti *phishing* kecuali
- A sentiasa berwaspada dengan teknik-teknik *phishing*  
B mengesahkan keselamatan laman web terlebih dahulu  
C memastikan *anti-phishing toolbar* sentiasa dalam keadaan *off*  
D memasang *firewall*
- S9** Penggodaman sesuatu sistem untuk mendapatkan capaian yang tidak dibenarkan merupakan masalah yang berkaitan dengan
- A moral  
B akhlak  
C etika  
D moral dan etika
- S10** Manakah antara pernyataan berikut bukan ciri-ciri *grey hat hacker*?
- A Pakar dalam keselamatan dan pencerobohan komputer  
B Memecah masuk sistem dan rangkaian dengan niat yang baik  
C Menggunakan kemahiran untuk meningkatkan keselamatan sistem dengan mendedahkan kelemahan sistem tersebut kepada pemilik  
D Mengurangkan masalah pada sistem syarikat pada masa hadapan

- S11** Sejenis kod yang menipu pengguna untuk memuat turun dan melaksanakan program mereka dengan berpura-pura menjadi aplikasi yang berguna dikenali sebagai
- A *cracker*
  - B *hacker*
  - C *trojan horse*
  - D *malicious code*
- S12** Manakah antara pernyataan berikut tidak benar mengenai *worm*?
- A Tidak memerlukan bantuan pengguna untuk tersebar
  - B Boleh berganda dengan sendirinya
  - C Tidak menjelaskan rangkaian komputer
  - D Boleh merebak lebih pantas dari virus
- S13** Manakah antara berikut merupakan contoh plagiat?
- A Membaca perenggan dalam talian dan menaip semula kata-kata anda sendiri.
  - B Menyalin dan menampal kerja orang lain ke dalam tugas anda menggunakan tanda petikan dan memetik penulis
  - C Menulis kertas tugas anda menggunakan ayat sendiri
  - D Menyalin dan menampal ayat dari Internet ke dalam tugas anda
- S14** Berikut merupakan langkah-langkah pencegahan daripada kecurian maklumat kecuali
- A sentiasa semak penyata kewangan untuk transaksi yang mencurigakan
  - B semak email setiap hari
  - C tidak mendedahkan maklumat peribadi walaupun ada pihak yang meminta
  - D gunakan ciri keselamatan pada telefon mudah alih
- S15** Manakah antara berikut bukan merupakan impak serangan siber ke atas sesuatu peniagaan?
- A Kehilangan wang yang banyak
  - B Kemusnahan reputasi syarikat
  - C Syarikat hilang pemegang saham
  - D Kehilangan pelanggan tetap
- S16** Seorang guru sains telah memuat turun sebuah video mengenai hukum graviti dan memasukkan video tersebut ke dalam slaid persembahannya. Perbuatan guru tersebut
- A tidak beretika kerana video itu bukan hasil karyanya
  - B boleh diterima kerana video tersebut tidak menjana pendapatan kepadanya
  - C boleh diterima kerana dia hanya seorang guru
  - D tidak bermoral kerana tidak menghasilkan video itu sendiri

**S17** “Penyerang menetapkan kedudukan antara penghantar dan penerima mesej elektronik dan memintas mereka, mungkin mengubahnya sewaktu penghantaran mesej tersebut. Pengirim dan penerima percaya bahawa mereka berkomunikasi secara langsung antara satu sama lain.”

Penyataan ini merujuk kepada serangan

- A *malware*
- B *phishing*
- C *Man in the Middle*
- D *ransomware*

**S18** Mengapa orang awam kurang merasai kesan serangan siber?

- A Kurang bermedia sosial
- B Tidak merasai kesan yang ketara akibat serangan siber
- C Tidak mempunyai komputer dan internet
- D Tidak ambil peduli

**S19** Manakah antara pernyataan berikut tidak benar mengenai jenis-jenis plagiat?

- A Mengaku penulisan orang lain adalah penulisan sendiri
- B Mengaku idea orang lain adalah idea sendiri
- C Menyajikan penulisan orang lain tanpa menyebut asal usul penulisan tersebut
- D Menyalin dan meringkas data dan penyelidikan orang lain sebagai hak sendiri

**S20** Berikut adalah cara-cara yang boleh dilakukan oleh individu bagi mengelakkan dirinya menerima emel spam kecuali

- A melanggan laman web yang sah
- B menggunakan teknik *encrypt* pada alamat emel semasa
- C menggunakan *email provider* yang selamat
- D membuat tapisan kepada *email spam*

**S21** Isu keselamatan maklumat yang sering dihadapi pengguna Internet/komputer melibatkan perkara-perkara berikut kecuali

- A kesedaran terhadap maklumat yang dikongsi bersama
- B kemudahan perniagaan yang sering melekakan pengguna
- C kekayaan yang mudah diperolehi menerusi keupayaan atas talian
- D perancangan terhadap teknologi yang akan digunakan dalam sesebuah organisasi

**SULIT**

BBP 45302

- S22** Pilih pernyataan yang tidak benar mengenai hak cipta
- A Malaysia mempunyai sistem pendaftaran hak cipta yang bersistematik
  - B Hak cipta mempunyai tempoh masa tertentu
  - C Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hak cipta 1987
  - D Hasil karya yang telah dibuat di Malaysia layak dilindungi oleh Akta Hak cipta 1987
- S23** Sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat berikut kecuali
- A usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli
  - B karya tersebut telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan
  - C hasil karya tersebut haruslah daripada pengkarya yang telah dikenali
  - D karya tersebut telah dibuat di Malaysia atau penerbitan pertama karya adalah di Malaysia
- S24** Pernyataan berikut menerangkan mengenai hak-hak ekslusif pemilik hakcipta kecuali
- A hak untuk membuat pengeluaran semula karya tersebut dalam apa-apa bentuk bahan
  - B hak untuk memusnahkan karya-karya yang telah lama
  - C hak untuk menerbitkan karya tersebut
  - D hak untuk membuat pertunjukan karya tersebut kepada orang awam
- S25** Berikut merupakan jenayah-jenayah komputer yang boleh dikenakan tindakan berdasarkan Akta Jenayah Komputer 1997 kecuali
- A penggunaan program tanpa kebenaran
  - B penghantaran data atau mesej yang tidak sah melalui komputer
  - C penggodaman dan kerosakan sistem komputer dan rangkaian
  - D menghantar ugutan menerusi pesanan ringkas
- S26** Akta ini bertujuan untuk melindungi pendapatan yang bakal diperoleh pemilik dan penerbit
- A Akta Internet
  - B Akta Jenayah Komputer 1997
  - C Akta Hasil Karya 1995
  - D Akta Hak cipta 1997

**SULIT**

BBP 45302

**S27** Berikut adalah kesalahan-kesalahan yang terkandung dalam Akta Jenayah Komputer 1997 kecuali

- A capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan kesalahan lanjut
- B komunikasi tidak jelas
- C pengubahsuaian tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer
- D capaian tanpa kuasa kepada bahan komputer

**S28** Manakah antara pernyataan berikut bukan contoh siber buli?

- A Memuatnaik gambar rakan anda yang memalukan ke dalam media sosial
- B Menghantar teks yang mempunyai maksud tertentu kepada seseorang
- C Membuli orang di lorong gelap
- D Mengancam seseorang dalam pesanan ringkas

**S29** Anda merupakan seorang pelajar yang cemerlang di kolej. Namun begitu, anda telah terlibat dalam memplagiat beberapa tugas yang diberikan. Berikut merupakan kesan daripada perbuatan plagiat tersebut kecuali

- A akan dibuang dari kolej
- B mendapat markah sifar pada tugas anda
- C boleh dipecat daripada jawatan yang anda pegang di kolej
- D mendapat amaran daripada profesor kolej anda

**S30** Manakah antara berikut akan menjadi karya kreatif yang boleh dilindungi oleh akta hak cipta?

- A Senarai semua kod zip
- B Potret sebuah keluarga
- C Lagu yang anda tulis
- D Nama haiwan yang hampir pupus

**S31** Kecanggihan teknologi, permintaan yang tinggi dan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang adalah penyebab kepada berlakunya

- A pelanggaran etika penggunaan komputer
- B jenayah cetak rompak perisian yang berleluasa
- C pencerobohan dalam sesuatu sistem komputer atau pangkalan data
- D ketidakstabilan emosi pengguna komputer

- S32** Ciri-ciri kata laluan yang mempunyai tahap keselamatan yang tinggi adalah seperti berikut kecuali
- A mengandungi sekurang-kurangnya 16 aksara
  - B mengandungi aksara seperti simbol, nombor, huruf kecil dan besar
  - C tidak daripada menggunakan huruf atau nombor yang berulang-ulang susunannya
  - D tidak daripada menggunakan kata laluan yang berkaitan dengan ciri-ciri peribadi pengguna
- S33** Jika seseorang didapati bersalah melakukan kesalahan dalam Bahagian II, Seksyen 6 Akta Jenayah Komputer iaitu melakukan kesalahan komunikasi salah, apakah hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atasnya?
- A Denda maksimum RM150,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya
  - B Denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya
  - C Denda maksimum RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya
  - D Denda maksimum RM250,000 atau penjara tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya
- S34** Manakah antara pernyataan berikut tidak menerangkan mengenai isu-isu capaian berdasarkan kerangka kod etika oleh R.O Mason?
- A Siapa yang dibenarkan mengakses maklumat?
  - B Berapa bayaran perlu dikenakan kerana membenarkan capaian maklumat?
  - C Siapakah yang memperuntukkan kos bagi setiap perkakasan untuk mencapai maklumat?
  - D Apakah hak yang dimiliki oleh individu atau organisasi untuk mendapat keistimewaan memperoleh maklumat?
- S35** Pernyataan berikut adalah termasuk dalam 10 rukun etika yang dicadangkan oleh Institut Etika Komputer kecuali
- A tidak menggunakan komputer untuk membahayakan orang lain
  - B tidak menggunakan komputer untuk mencuri
  - C tidak menggunakan atau menyalin perisian yang tidak dibeli secara sah
  - D tidak memikirkan akan kesan sosial program atau sistem yang dibangunkan

**S36** Antara hasil karya berikut yang manakah dilindungi oleh Akta Hakcipta 1997?

- I Muzik
- II Grafik
- III Sastera
- IV Tandatangan digital

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S37** Manakah antara berikut merupakan cara mencegah komputer daripada dijangkiti virus?

- I Memasang *anti-virus* dan *firewall* yang dipercayai
- II Peka dengan e-mel yang masuk ke *inbox*
- III Elakkan dari muat turun sebarang perisian
- IV Semak *secure socket layer* sebelum membuat transaksi

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S38** Ciri-ciri penggodam *skrip kiddie* adalah seperti

- I merupakan penggodam profesional
- II tiada keinginan untuk belajar menggodam
- III mempunyai niat yang kurang baik
- IV menggunakan kod program daripada penggodam lain

- A II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S39** Terdapat tiga kesalahan utama yang diperuntukan oleh akta dalam menangani masalah jenayah komputer iaitu

- I    kesalahan capaian tanpa kuasa kepada bahan-bahan komputer
  - II    meletakkan unsur-unsur tidak elok di luar persekitaran terkawal
  - III    capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut
  - IV    kesalahan pengubahsuaian tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer
- A    I, II, dan III sahaja
  - B    I, II, dan IV sahaja
  - C    I, III, dan IV sahaja
  - D    II, III, dan IV

**S40** Bagaimanakah pengguna dapat mengenal pasti aktiviti *phishing*?

- I    E-mel yang meminta pengguna mengesahkan maklumat peribadi
  - II    Alamat e-mel dan laman web kelihatan tidak asli
  - III    E-mel yang mengandungi lampiran yang mencurigakan
  - IV    E-mel kelihatan sangat teratur tanpa kesalahan ejaan
- A    I, II, dan III sahaja
  - B    I, II, dan IV sahaja
  - C    I, III, dan IV sahaja
  - D    I, II, III, dan IV

**BAHAGIAN B**

- S41** (a) Berikan definisi kod etika dan terangkan fungsinya?  
(4 markah)
- (b) R.O. Mason telah mengkategorikan isu etika kepada empat aspek. Huraikan dua (2) aspek daripada isu etika tersebut.  
(6 markah)
- (c) Kod etika profesional adalah salah satu alat kawalan sosial untuk mendisiplinkan diri agar lebih beretika. Apakah yang dimaksudkan oleh fungsi kod etika sebagai  
(i) inspirasi dan panduan  
(ii) pencegahan dan disiplin  
(iii) memelihara maruah profesi  
(iv) sokongan  
(10 markah)
- S42** (a) Terangkan secara ringkas mengenai jenayah-jenayah komputer berikut:  
(i) *Ip spoofing*  
(ii) *Identity theft*  
(iii) *Spamming*  
(6 markah)
- (b) Bagaimanakah seseorang individu dapat mempertahankan maklumat peribadinya daripada dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab?  
(5 markah)
- (c) Huraikan tiga (3) cara untuk menangani impak serangan jenayah komputer  
(9 markah)
- S43** (a) Terangkan secara ringkas mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010  
(5 markah)
- (b) Huraikan tiga (3) hak eksklusif pemilik hakcipta  
(9 markah)
- (c) Sebuah lagu yang dicipta oleh penulis lirik tempatan merupakan salah satu bentuk karya yang dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat tertentu. Jelaskan tiga (3) syarat tersebut.  
(6 markah)

**-SOALAN TAMAT-**